



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN

**GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN KEPADA HOTEL BAJET DI
BAWAH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

TAHUN 2022

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan Geran Padanan bagi tujuan pembaikan kepada Hotel Bajet di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia tahun 2022.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemberian Geran Padanan bagi tujuan Pembaikan kepada Hotel Bajet di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah diumumkan di dalam Ucapan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021. Menerusi Ucapan Bajet berkenaan sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembaikan kepada 738 hotel bajet yang berdaftar di bawah MOTAC serta geran pembaikan kepada pemilik inap desa.
- 2.2 Insentif yang diberikan oleh Kerajaan ini bertujuan untuk membantu industri perhotelan negara khususnya pengusaha-pengusaha hotel bajet bagi membantu membaik pulih hotel sedia ada agar dapat menarik lebih ramai pengunjung atau pelancong sama ada dalam atau luar negara untuk menginap di hotel mereka. Ini juga bertujuan untuk memastikan kemudahan dan infrastruktur pelancongan yang ditawarkan sentiasa berada di tahap berkualiti dan mencapai standard yang ditetapkan.
- 2.3 Geran Padanan ini hanya diperuntukkan khusus bagi Hotel Bajet yang telah diberikan penggredan 1, 2 atau 3 Orkid di bawah MOTAC.
- 2.4 Geran Padanan ini hanya bertujuan untuk pembaikan Hotel Bajet berdasarkan skop pembaikan yang telah diluluskan oleh MOTAC. Selain daripada skop kerja yang telah diluluskan tidak akan dipertimbangkan.

3.0 KAEDAH PEMBAYARAN

Kaedah pembayaran kepada pemohon adalah secara **tuntutan bayaran semula (Reimbursable)** yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) secara ‘*Matching Grant*’ (Geran Sepadan) seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa Pembentangan Bajet 2022.

4.0 JUMLAH GERAN PEMBAIKAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN

- 4.1 Nisbah Geran Padanan bagi tujuan pemberian kepada Hotel Bajet di bawah MOTAC adalah 7:3 di mana sumbangan Kerajaan adalah sebanyak 70% dan 30% adalah sumbangan pemohon.
- 4.2 Kerajaan hanya akan bayar **maksimum RM30,000 ATAU** mengikut **mana-mana tuntutan lebih rendah**.
- 4.3 Contoh tuntutan bayaran seperti di **Lampiran A**.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN PERMOHONAN

Geran Padanan bagi tujuan pemberian kepada Hotel Bajet di bawah MOTAC tahun 2022 akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria berikut:

- i) Premis telah berdaftar dengan MOTAC sebelum atau pada 31 Disember 2021;
- ii) Premis telah diberikan penggredan Orkid di bawah MOTAC dan Sijil Penggredan yang masih sah selepas 1 Januari 2020. Premis yang telah tamat tempoh Sijil Penggredan atau belum memperoleh Sijil Penggredan boleh mengemukakan permohonan dengan syarat mengemukakan bukti permohonan pembaharuan pengelasan tersebut telah dikemukakan kepada Pejabat MOTAC Negeri berkenaan;
- iii) Premis mempunyai Lesen Perniagaan Premis Penginapan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang masih sah;

- iv) Pemilik Hotel Bajet yang mempunyai cawangan atau rangkaian di bawah pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sama boleh mengemukakan maksimum 3 permohonan sahaja. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan secara berasingan;
- v) Melantik Kontraktor tempatan yang berdaftar dengan SSM;
- vi) Permohonan pembaikan bagi projek yang sedang dilaksanakan atau telah selesai sepenuhnya daripada dana kerajaan yang diuruskan oleh agensi kerajaan lain dan dalam skop kerja yang hampir sama tidak akan dipertimbangkan; dan
- vii) Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **30 APRIL 2022**.
- viii) Kelulusan Bersyarat akan diberikan kepada premis yang belum memperoleh Sijil Penggredan. Walau bagaimanapun, pihak premis hendaklah memperoleh Sijil Penggredan sebelum mengemukakan tuntutan kepada MOTAC untuk pembayaran.

6.0 SKOP KERJA-KERJA PEMBAIKAN

6.1 Skop kerja-kerja pembaikan/ penyelenggaraan yang dibenarkan merangkumi pembaikan/ penyelenggaraan seperti berikut:

- i) Kebocoran bumbung.
- ii) Keretakan/ kerosakan dinding.
- iii) Keretakan/ kerosakan lantai di premis.
- iv) Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong.
- v) Kerja-kerja pendawaian elektrik di bilik penginapan pelancong.
- vi) Kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan keselamatan/ keselamatan kebakaran.
- vii) Penyelenggaraan penghawa dingin bilik penginapan pelancong.
- viii) Kerosakan pintu atau tingkap bilik penginapan pelancong.
- ix) Kerja-kerja mengecat bilik penginapan pelancong.
- x) *Waterproofing*.
- xi) Kerosakan tandas untuk pelancong.

- xii) Kerosakan kemudahan bilik mesyuarat / bilik seminar.
- xiii) Kerosakan di lobi / ruang kaunter hadapan.
- xiv) Kerosakan / penyelenggaraan kolam renang.
- xv) Penyelenggaraan sistem saliran air di dalam premis
- xvi) Kerosakan kemudahan surau.
- xvii) Kerosakan kemudahan dapur / kafeteria/ restoran/ *coffee house*.

7.0 MEKANISME PELAKSANAAN

7.1 Permohonan Kelulusan Geran Padanan

- i. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Kepada Hotel Bajet Di Bawah MOTAC Tahun 2022** yang boleh diperolehi daripada Pejabat MOTAC Negeri masing-masing atau di laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www motac gov my).
- ii. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pelesenan dan Penguatuasaan Pelancongan (BPPP). Borang permohonan adalah seperti di **Lampiran B: Borang GPP-01**
- iii. Pemohon hanya boleh melantik kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan Hotel Bajet setelah mendapat **Surat Tawaran Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet di bawah MOTAC Tahun 2022**.
- iv. Borang permohonan beserta dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dikemukakan:

Urus setia
Jawatankuasa Geran Pembaikan Kepada Hotel Bajet
Bahagian Pelesenan dan Penguatuasaan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Aras 1, No. 2 Menara 1, Jalan P5/6 Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
63200 PUTRAJAYA

E-mel : bantuanhotel@motac.gov.my
No. Tel : 03-8891 7257/ 7206

- v. Semua permohonan hendaklah dikemukakan sebelum **30 APRIL 2022** tertakluk kepada peruntukan geran padanan sedia ada.
- vi. Pemohon hendaklah menandatangani Surat Setuju Terima dan Surat Aku Janji seperti di **Lampiran C** sebagai persetujuan penerimaan tawaran geran setelah menerima Surat Tawaran Geran Padanan tahun 2022 dan mengemukakan kepada MOTAC dalam tempoh 7 hari.
- vii. Pemohon boleh melaksanakan skop kerja setelah bersetuju menerima surat tawaran geran padanan.
- viii. MOTAC berhak menamatkan atau membatalkan tawaran geran padanan bagi tujuan pemberian hotel bajet pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan atau apa-apa notis lain sekiranya didapati gagal memenuhi mana-mana syarat atau dikesan telah memberikan maklumat palsu atau dalam keadaan lain yang difikirkan munasabah oleh Kerajaan.

7.2 Tuntutan Pembayaran (*Reimbursable*)

- i. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen seperti mana senarai semak tuntutan bayaran yang lengkap seperti di **Lampiran D: Senarai Semak GPP-02**.
- ii. Dokumen tuntutan bayaran yang lengkap, sempurna dan teratur hendaklah dikemukakan kepada **MOTAC SEBELUM ATAU PADA 1 OKTOBER 2022**.
- iii. Penyaluran geran yang telah diluluskan akan disalurkan melalui akaun bank rasmi syarikat pemohon.
- iv. Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut kepada MOTAC:

- a. **Lampiran E:** Laporan Bergambar berwarna mengikut skop kerja diluluskan sebelum, semasa dan selepas;
 - b. **Lampiran F:** Laporan Lengkap Pelaksanaan Kerja; dan
 - c. **Lampiran G:** Surat Pengesahan Siap Kerja.
-
- v. Pemohon perlu mengemukakan kepada MOTAC sesalinan resit/invois sebagai bukti pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor.
 - vi. Tuntutan geran padanan hanya akan dibayar ke atas skop kerja yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, MOTAC hanya akan membayar skop kerja yang telah siap sepenuhnya.
 - vii. Pemohon yang membuat tuntutan palsu dan menyalahi peruntukan geran padanan akan dikenakan tindakan perundangan.

7.3 Carta alir proses permohonan seperti di **LAMPIRAN H.**

8.0 JAWATANKUASA PELULUS PEMBERIAN GERAN PADANAN BAGI TUJUAN PEMBAIKAN KEPADA HOTEL BAJET DI BAWAH MOTAC

- 8.1 Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Bagi Tujuan Pembaikan Kepada Pengusaha Inap Desa (*Homestay*) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet akan menimbang dan meluluskan permohonan berdasarkan kepada terma dan syarat yang dinyatakan. (Keanggotaan jawatankuasa adalah seperti di **LAMPIRAN I.**)
- 8.2 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan jawatankuasa. Segala keputusan oleh Jawatankuasa Pelulus Pemberian Geran Bagi Tujuan Pembaikan Kepada Pengusaha Inap Desa (*Homestay*) & Geran Padanan Pembaikan Hotel Bajet adalah **MUKTAMAD.**

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

1 April 2022



**KEMENTERIAN
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

**PERMOHONAN GERAN PADANAN
PEMBAIKAN HOTEL BAJET
TAHUN 2022**

NAMA PREMIS :

NAMA SYARIKAT :

NO.SSM SYARIKAT :

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PELANCONGAN (BPPP)**

SENARAI SEMAK

PERMOHONAN KELULUSAN GERAN PADANAN PEMBAIKAN HOTEL BAJET
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
TAHUN 2022

TANDAKAN (✓)

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>PEMOHON</u>	<u>URUS SETIA</u>
1.	Borang Permohonan Geran Padanan Bagi Tujuan Pembaikan Kepada Hotel Bajet Di Bawah MOTAC (BORANG GPP-01).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Penggredan Premis Penginapan Pelancong / Bukti Penghantaran Permohonan Pengelasan Daripada Pejabat MOTAC Negeri.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Pemohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Terkini Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Perincian skop pembaikan dan kos (sebut harga / Quotation kontraktor).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Cadangan Jadual Kerja Pelaksanaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan SSM kontraktor yang dilantik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Laporan Bergambar berwarna mengenai kerosakan / keadaan semasa infrastruktur yang dipohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Penyata Bank Pemohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Tandatangan & Cop Syarikat :

Disemak Oleh Pejabat MOTAC :

Nama Pemohon :
 Emel & Tel :
 Tarikh :

Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Syarikat		
No. SSM		
Alamat Surat Menyurat		
Nama Pemohon (Untuk dihubungi)		
Jawatan		
Nombor Telefon	Pejabat :	H/p :
Alamat E-mel		

B. MAKLUMAT PREMIS

Nama Hotel		
Alamat Hotel		
Klasifikasi Hotel (Pengelasan Orkid)		
Nama Persatuan		
Jumlah Bilik		
Alamat E-mel		

C. MAKLUMAT PEMBAIKAN

BIL.	SKOP KERJA	TANDAKAN (/) YANG BERKENAAN
1.	Kebocoran bumbung	
2.	Keretakan/ kerosakan dinding	
3.	Keretakan/ kerosakan lantai di premis	
4.	Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong	
5.	Kerja-kerja pendawaian elektrik di bilik penginapan pelancong	
6.	Kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan keselamatan/ keselamatan kebakaran	
7.	Penyelenggaraan penghawa dingin bilik penginapan pelancong	
8.	Kerosakan pintu atau tingkap bilik penginapan pelancong	
9.	Kerja-kerja mengecat bilik penginapan pelancong	
10.	<i>Waterproofing</i>	
11.	Kerosakan tandas untuk pelancong	
12.	Kerosakan kemudahan bilik mesyuarat / bilik seminar	
13.	Kerosakan di lobi / ruang kaunter hadapan	
14.	Kerosakan / penyelenggaraan kolam renang	
15.	Kerosakan Kemudahan Surau	
16.	Kerosakan kemudahan dapur / kafeteria/ restoran/ <i>coffee house</i>	
17.	Kerja-kerja Penyelenggaraan sistem saliran air di dalam premis	

D. MAKLUMAT KONTRAKTOR

Nama Syarikat		
No. Pendaftaran SSM		
Alamat Surat Menyurat		
Nama Pegawai Bertanggungjawab		
Jawatan		
Nombor Telefon	Pejabat :	H/p :

E. PERINCIAN SKOP KERJA PEMBAIKAN

BIL.	SKOP KERJA	KETERANGAN SKOP KERJA	ANGGARAN KOS KERJA (RM)
1.	Cth : Kerosakan perabot dan peralatan di dalam bilik penginapan pelancong	i. Membaiki <i>built-in cabinet</i>	RM3,000.00
JUMLAH			

*Boleh disediakan sebagai lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi.

F. UNJURAN KERJA PEMBAIKAN

i. Cadangan Jadual Pelaksanaan

a. Tempoh Kerja : Hari

b. Tarikh Jangkaan Mula Kerja :

c. Tarikh Jangkaan Siap Sepenuhnya :

G. JANGKAAN OUTCOME DAN FAEDAH YANG DIJANGKAKAN DARIPADA KERJA PEMBAIKAN KEPADA PELANCONG

.....

H. PENGESAHAN MAKLUMAT PERMOHONAN

Saya bersetuju dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah sahih dan menepati Garis Panduan Geran Padanan bagi tujuan Pembaikan Hotel Bajet di bawah MOTAC Tahun 2022.



Saya mengaku bahawa saya **TIDAK** pernah mendapat peruntukan di bawah mana-mana kementerian/ agensi/ jabatan/ kerajaan negeri/ pihak berkuasa tempatan dalam tempoh tiga (3) tahun kecuali berlaku kerosakan infrastruktur/ kemudahan pelancongan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

Tandatangan :

Nama Penuh :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN DALAMAN SAHAJA

Tarikh permohonan diterima:

Status permohonan:

LULUS

TIDAK LULUS

Tarikh:

LAMPIRAN

E. PERINCIAN KOS KERJA PEMBAIKAN/ PENYELENGGARAAN			
BIL.	PERKARA	PERINCIAN (i.e: luas, jarak tinggi)	ANGGARAN KOS KERJA (RM)
JUMLAH			